

Ruj. Kami : 0.0010 JLD. 16 (4)
Tarikh : 26 Februari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Pengarah Kerja Raya Sabah

Pengarah Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Sabah

Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah

Pengarah Taman-Taman Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 7 TAHUN 1997**

MELAKSANAKAN KEPUTUSAN LEMBAGA PEROLEHAN PERSEKUTUAN SABAH

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pejabat ini mendapati ada beberapa Jabatan yang tidak melaksanakan keputusan Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah dengan memberi berbagai alasan. Setelah disemak dengan teliti didapati faktor utama yang mendorong Jabatan tidak melaksanakan keputusan Lembaga Perolehan Persekutuan adalah oleh sebab Lembaga Perolehan Persekutuan itu berbeza daripada apa yang telah diperakukan oleh Jabatan.

3. Pejabat ini berharap semua keputusan Lembaga Perolehan Persekutuan hendaklah dilaksanakan dengan segera oleh Jabatan. Sikap dan amalan tidak melaksanakan keputusan Lembaga Perolehan Persekutuan yang berbeza daripada apa yang telah diperakukan oleh Jabatan hendaklah diberhentikan dengan serta merta.

4. Jika amalan dan sikap seperti ini masih diteruskan, Pejabat ini akan memastikan peruntukan belanjawan Jabatan berkaitan, disalurkan kepada Jabatan-Jabatan lain yang lebih memerlukannya.

Diatas perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.

Salinan

Fail: (8.00) (01.00) 96/1-3(70)